



**JABATAN KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)**

ARAHAN KEWANGAN BILANGAN 39 TAHUN 2017

PENGGUNAAN JOMPAY DAN TATACARA

**Kepada : Semua Pengarah
Semua Pengurus Besar Wilayah
Pengurus Rancangan**

TUJUAN

Arahan kewangan ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran atas talian bagi tujuan bayaran kembali pinjaman- pinjaman FELDA menerusi aplikasi JomPAY.

LATAR BELAKANG

2. Bayaran kembali pinjaman FELDA telah dilaksanakan secara konvensional iaitu menerusi potongan bulanan di payslip/paysheet dan bayaran secara tunai atau cek. Bagi tujuan meningkatkan kecekapan urusan penerimaan bayaran ini, FELDA mengambil langkah untuk mempelbagaikan platform pembayaran dengan memperkenalkan kaedah bayaran secara atas talian melalui sistem elektronik JomPAY.

3. Skim Pembayaran Bil Kebangsaan Malaysia (JomPAY) merupakan sistem yang telah dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia pada April 2015 dengan tujuan utama untuk mempercepatkan proses pembayaran secara elektronik bagi orang ramai. Perkhidmatan ini membolehkan transaksi pembayaran dilakukan melalui lebih empat puluh (40) bank-bank di Malaysia. Maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan JomPAY boleh disemak di www.jompay.com.my.


4. FELDA telah memulakan kaedah bayaran kembali menerusi JomPAY bagi Pinjaman Pendidikan bermula Jun 2017 dan akan meluaskan kaedah ini kepada pinjaman-pinjaman FELDA yang lain. Aplikasi ini boleh diakses melalui mana-mana sistem perbankan yang berdaftar untuk sistem JomPAY.

5. Semua transaksi pembayaran yang dibuat adalah percuma. Tiada caj tambahan dikenakan oleh pihak bank dan FELDA. Jumlah transaksi yang dibenarkan bagi peminjam adalah minimum sebanyak RM1.00 dan maksimum RM30, 000.00


TATACARA PENGGUNAAN

6. Berikut adalah contoh transaksi pembayaran bagi pemegang akaun Maybank. Bagi pemegang akaun selain Maybank, penggunaan adalah tertakluk kepada bank tersebut.


i. Log masuk ke www.maybank2u.com



ii. Klik "Bill Payment". Kemudian klik "JomPAY"




iii. Pilih "Make a one-off payment"



iv. Masukkan perkara berikut:-

- a. Amount = jumlah yang hendak dibayar
- b. Biller Code = Kod Pinjaman : **Jadual 1** (rujuk perkara No.7)
- c. Ref-1 = Nombor **Kad Pengenalan** peminjam (**Wajib isi**)
- d. Ref-2 = Nombor telefon pembayar (**Wajib isi**)
- e. Klik '**Continue**'



- v. Klik 'Request for TAC', dan masukkan nombor TAC > klik 'Confirm'.
Transaksi selesai.

The screenshot shows the Maybank2u.com interface for a one-off payment. The page title is 'Make a one-off payment - Step 2 of 3'. The main content area displays the following details:

- Amount: RM1.00
- From Account: 114281186893 SA
- Biller Code: 30957 - FELDA - PRGKT SIJIL BERPROFIL
- Ref 1: 890101010101
- Ref 2: 0123456789
- Effective date: Today

At the bottom of the form, there is a 'TAC' input field and a 'Request for TAC' button. A red box highlights these elements. Below the form, there is a red arrow pointing to a 'Confirm' button, with a 'Go back' link next to it.

Pengesahan penerimaan melalui perbankan internet perlu disimpan sebagai bukti bayaran telah dibuat.

7. **BILLER CODE MENGIKUT JENIS PINJAMAN**

Pengguna hendaklah menggunakan **Biller Code** yang telah didaftarkan mengikut **Payee Name** yang mewakili jenis-jenis pinjaman di FELDA seperti di Jadual 1 berikut :-

Jadual 1: **Biller Code** dan **Payee Name** (Jenis Pinjaman)

No.	Biller Code	Payee Name	Payee Code
1	30957	FELDA - Peringkat Sijil Berprofil	AQ1
2	67041	FELDA - Welding BPO NDT	AQ2
3	77628	FELDA - Peringkat Sijil Kemahiran	AQ3
4	50468	FELDA - Peringkat Diploma & Ijazah	AQ4
5	14241	FELDA - Dana Pelajar Cemerlang	AQ5
6	30957	FELDA - Komputer (PC)	AQ6
7	92999	FELDA - Pembesaran Rumah Penerima	AQ7
8	22269	FELDA - Perumahan Warga FELDA (PWF)	AQ8
9	36939	FELDA - Bayaran Ambil Alih Kebun	AQ9
10	63933	FELDA - Kenderaan Petugas FELDA	ARA
11	73866	FELDA - IPT Petugas FELDA	ARB
12	65219	FELDA - Perumahan Petugas FELDA	ARC
13	76133	FELDA - Saham FGV	ARD
14	75499	FELDA - Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF)	ARE

TARIKH PELAKSANAAN

8. Pelaksanaan bayaran kembali melalui JomPAY ini berkuatkuasa pada tarikh arahan ini dikeluarkan dan pelaksanaan ini perlu dimaklumkan kepada semua petugas dan peneroka di bawah seliaan masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya Yang Menurut Perintah,


(MOHD/SHHRIN MOHD ALI)
Pengarah Kewangan
FELDA
Tarikh : 30 November 2017

s.k : Pengarah Besar
Timbalan Pengarah Besar (Ekonomi)
Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)
Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)